

SOALAN NO: 477

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING
TARIKH :
SOALAN : 477**

Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan sama ada Kementerian merancang untuk membina klinik kesihatan yang baru di kawasan Parlimen Kulai.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan (KKM) sentiasa merancang pembinaan fasiliti kesihatan dalam usaha untuk meningkatkan akses dan penyampaikan perkhidmatan kesihatan yang komprehensif. Perancangan pembinaan fasiliti baru dan naik taraf akan dibuat mengikut keutamaan bagi setiap negeri pada setiap tahun melalui Rancangan Malaysia.

Untuk makluman, Daerah Kulai (Parlimen Kulai) mempunyai dua (2) buah klinik kesihatan dan 11 buah klinik desa. Pihak Jabatan Kesihatan Negeri Johor telah mengenal pasti keperluan untuk membina tiga (3) buah klinik baru dan menaik taraf klinik desa kepada klinik kesihatan secara berperingkat dan mengikut keutamaan di bawah Rancangan Malaysia Ke -12 dan Rancangan Malaysia Ke -13 dengan proses perolehan tanah terlebih dahulu memandangkan ketiadaan tapak yang sesuai.